

Kemurungan dan Motivasi Belajar Murid

(Depression and Student Learning Motivation)

Nadirah Halim^{1*}, Saemah Rahman², Shahlan Surat³ 

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: p118163@siswa.ukm.edu.my

²Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: saemahukm@yahoo.com

³Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: drshahlan@ukm.edu.my

ABSTRAK

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Nadirah Halim

(p118163@siswa.ukm.edu.my)

KATA KUNCI:

Motivasi belajar

Kemurungan

Murid sekolah

KEYWORDS:

Learning motivation

Depression

School students

CITATION:

Nadirah Halim, Saemah Rahman, & Shahlan Surat. (2024). Kemurungan dan Motivasi Belajar Murid. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(6), e002866.

<https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i6.2866>

Motivasi belajar merupakan suatu elemen psikologi yang menggerakkan murid untuk belajar dan mencapai sesuatu kejayaan. Namun begitu, apabila pembentukan motivasi ini terganggu oleh pelbagai faktor dalam dan luaran yang tidak baik, maka murid mudah terdedah dengan gejala depresi. Lantaran itu, kajian ini dijalankan untuk menentukan hubungan antara tahap kemurungan dengan tahap motivasi belajar murid tingkatan empat di tiga buah sekolah menengah di daerah Hulu Langat, Selangor. Kajian berbentuk kuantitatif ini menggunakan kaedah tinjauan melalui soal selidik. Pendekatan kuantitatif melalui tinjauan telah diaplikasikan kepada 375 orang murid tingkatan empat sebagai sampel kajian dengan menggunakan teknik persampelan rawak mudah. Soal selidik yang diadaptasi daripada kajian Rozaidi (2022) digunakan untuk mengukur tahap motivasi belajar dan *Patient Health Questionnaire* (PHQ-9) digunakan untuk mengukur tahap kemurungan. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Ujian Kolerasi Spearman-rho mendapati terdapat hubungan signifikan yang negatif antara tahap kemurungan dan tahap motivasi belajar murid di sekolah menengah ($r = -0.11$, $p < 0.05$) yang menunjukkan terdapat hubungan songsang antara kedua-dua pemboleh ubah yang dikaji. Implikasi kajian turut dibincangkan.

ABSTRACT

Learning motivation is a psychological element that drives students to learn and achieve success. However, when the formation of this motivation is disrupted by various internal and external factors, students are easily exposed to symptoms of depression. Therefore, this study was conducted to identify the relationship between the level of depression and the level of learning motivation among fourth-grade students in three secondary schools in the Hulu Langat district, Selangor. This quantitative study used a

survey method through questionnaires. The quantitative approach through a survey was applied to 375 fourth-grade students as the study sample using simple random sampling technique. The questionnaire adapted from [Rozaidi's \(2022\)](#) study was used to measure the level of learning motivation, and the Patient Health Questionnaire (PHQ-9) was used to measure the level of depression. The data obtained were analyzed using descriptive and inferential statistics. The Spearman's rho correlation test found a significant negative relationship between the level of depression and the level of learning motivation among students in secondary schools ($r = -0.11$, $p < 0.05$), indicating a reverse relationship between the two variables studied. The implications of the study are also discussed.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini dapat memberi sumbangan kepada literatur serta merapatkan jurang antara kajian sedia ada berkaitan isu motivasi murid dalam meneruskan pembelajaran yang menimbulkan kerisauan banyak pihak. Kajian ini adalah salah satu kajian yang mengkaji hubungan antara tahap motivasi belajar murid dengan kemurungan yang dialami oleh kebanyakan murid di negara ini.

1. Pengenalan

Prestasi akademik murid merupakan aspek pembelajaran yang sangat dititikberatkan dalam semua sekolah di seluruh Malaysia. Prestasi akademik menjadi jaminan kepada kehidupan yang lebih baik bagi masa depan setiap murid. Seseorang individu dapat mencapai pencapaian akademik yang baik jika mereka mempunyai motivasi diri yang kuat ([Sheau et al., 2012](#); [Amna, 2017](#)). Motivasi diri menjadi asas kepada motivasi belajar, maka motivasi belajar diperlukan dalam kehidupan seorang murid sebagai pendorong semangat untuk belajar secara berterusan bagi mencapai kejayaan yang diinginkan. [Ryan Hidayat et al. \(2020\)](#) dan [Tuan \(2023\)](#) menyatakan bahawa motivasi belajar secara langsung mempengaruhi kemajuan dan pencapaian pembelajaran murid. Hal ini kerana aktiviti pembelajaran akan berjalan lancar apabila murid memiliki motivasi belajar dalam diri ([Shaamala & Mohd Izwan, 2022](#); [Yanuari & Muhammad Hanif, 2019](#)). Oleh itu, jelas bahawa motivasi belajar menjadi rangsangan utama kepada murid untuk meneruskan usaha belajar, menimba dan mencari ilmu pengetahuan. Seseorang murid dapat belajar dengan tekun apabila dirinya mengenali keperluan belajar dan secara tidak langsung membangunkan keinginan untuk belajar.

Namun begitu, ketiadaan motivasi belajar mampu melunturkan minat belajar murid dan menjadi salah satu faktor yang dapat menggagalkan pencapaian matlamat sesebuah pembelajaran. [Elvira et al. \(2022\)](#) menjelaskan motivasi dan minat belajar mempunyai perkaitan dengan hasil belajar, manakala [Salasiah Hanin et al. \(2012\)](#) menjelaskan motivasi sering dikaitkan dengan matlamat yang ingin dicapai dalam hidup. Kajian [Nurul Ain dan Azizi \(2012\)](#) pula mendapati bahawa penetapan matlamat adalah faktor motivasi intrinsik yang paling dominan dalam mempengaruhi pencapaian akademik murid. Lazimnya, murid menghabiskan banyak masa belajar di sekolah, namun kebanyakan murid pada masa kini kurang jelas dengan matlamat untuk belajar. Hal ini menyebabkan murid merasakan tiada keperluan untuk berusaha belajar kerana mereka tiada kepuasan dalam melaksanakan amalan belajar yang dirasakan sangat membosankan, tidak relevan atau terlalu sukar. Oleh itu, lama-kelamaan motivasi belajar murid semakin rendah

kerana mereka tiada minat belajar, kerap ponteng sekolah dan mereka sentiasa menyelak untuk meneruskan pembelajaran. Laporan dari Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, (UNICEF) dan Tabung Kependudukan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFPA) menunjukkan bahawa sebilangan besar murid sekolah peringkat menengah atas telah hilang semangat dan minat untuk belajar walaupun mereka telah dibenarkan hadir ke sekolah untuk meneruskan pembelajaran selepas tamat tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat penularan wabak Covid-19 ([Rahimah, 2020](#)). Bukan itu sahaja, peratus kehadiran murid ke sekolah juga semakin terjejas dengan nisbah seorang daripada setiap 5 orang murid telah ponteng sekolah ([Rahimah, 2020](#)). [Mayuri \(2021\)](#) pula menjelaskan motivasi adalah permulaan kepada minat murid terhadap pembelajaran, maka kejayaan dalam pembelajaran bergantung kepada sama ada seseorang murid termotivasi atau tidak.

Selain itu, motivasi belajar juga adalah aspek kognitif yang bersifat mudah berubah-ubah kerana dipengaruhi oleh kewujudan pelbagai faktor di sekeliling kehidupan setiap murid. Oleh itu, murid yang kekurangan motivasi belajar mudah terdedah dengan gejala kemurungan. Kajian [Abdul Rashid et al. \(2021\)](#) mendapati bahawa kemurungan timbul apabila individu sering mengalami masalah emosi, psikologi, dan kognitif yang tidak stabil. Proses belajar di sekolah sepatutnya menjadi suatu proses yang menyeronokkan kepada setiap murid, misalnya murid dapat belajar bersama-sama rakan sebaya yang lain. Namun begitu, murid yang tidak bermotivasi untuk belajar akan menunjukkan pengabaian, sikap putus asa dan kecewa terhadap proses pembelajaran sehingga menjadikan prestasi akademik mereka di sekolah. [Annisa et al. \(2018\)](#) menyatakan apabila seseorang murid mempunyai motivasi belajar, maka wujud sikap yang positif dalam diri mereka, gembira dan bersemangat untuk belajar. Sebaliknya, murid kurang motivasi belajar akan bersikap negatif terhadap aktiviti pembelajaran seperti belajar secara sambil lewa dan kurang bersungguh-sungguh. Kesannya, apabila pencapaian murid di sekolah rendah atau merosot, situasi tersebut boleh menyumbang kepada perasaan tidak berdaya dan hilang keyakinan diri dalam menjalankan interaksi sosial dengan orang sekeliling. Situasi tersebut menunjukkan gejala awal dan peningkatan depresi dalam kehidupan murid. [Yue \(2023\)](#) menyatakan kemurungan bukan sahaja melibatkan prestasi belajar yang teruk, malah kecenderungan murid ke arah perbuatan membunuh diri.

[Sunarti \(2021\)](#) menjelaskan bahawa murid yang tidak mencapai prestasi belajar yang cemerlang bukan kerana kekurangan kemampuan diri, tetapi disebabkan oleh ketiadaan motivasi belajar sehingga seseorang tidak mahu berusaha belajar. Motivasi belajar adalah elemen utama dalam proses pendidikan. Menurut [Sekar dan Achmad Rifai \(2019\)](#), tiada murid yang belajar tanpa memiliki motivasi. Tanpa motivasi belajar, hasil pembelajaran yang ingin dicapai tidak akan maksimum dan perkembangan kognitif yang sihat akan mudah terjejas, tetapi tidak semua murid yang mengalami motivasi belajar yang rendah mudah mengalami gejala kemurungan. Di Malaysia, banyak kajian tentang motivasi belajar dan kemurungan lebih tertumpu kepada pelajar di peringkat pengajian tinggi, namun kajian dan penelitian dalam kalangan murid sekolah yang berkaitan motivasi belajar dan gejala kemurungan kurang dilaksanakan di peringkat sekolah menengah, sedangkan murid sekolah menengah juga adalah golongan yang terdedah dengan tekanan akademik dalam proses pembelajaran.

Berdasarkan perbincangan di atas, jelas menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk mengkaji hubungan antara motivasi belajar dan gejala kemurungan dalam kalangan murid sekolah. Kajian ini juga diharapkan dapat mengisi jurang pengetahuan berkaitan

kemurungan dan motivasi belajar dalam kalangan murid, terutama di peringkat sekolah menengah dengan lebih terperinci. Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara tahap kemurungan dan tahap motivasi belajar dalam kalangan murid tingkatan empat di daerah Hulu Langat. Tiga objektif kajian adalah seperti berikut:

- i. Mengenal pasti tahap motivasi belajar murid.
- ii. Mengenal pasti tahap kemurungan murid.
- iii. Mengenal pasti hubungan tahap motivasi belajar dengan tahap kemurungan murid

2. Sorotan Literatur

2.1. Motivasi Belajar

Motivasi belajar adalah keperluan dominan untuk belajar dan sangat penting dalam memberikan semangat bagi meneruskan pembelajaran ([Rike Andriani & Rasto, 2019](#)). [Dimyati dan Mudjiono \(2006\)](#) pula menjelaskan bahawa motivasi belajar merujuk kepada keseluruhan dorongan dalam diri seseorang untuk mengambil bahagian dalam aktiviti pembelajaran secara berterusan dan menentukan sendiri hala tuju pembelajaran bagi mencapai sesuatu matlamat. [Uno \(2006\)](#) dan [Muhammad Faiz et al. \(2022\)](#) pula menyimpulkan bahawa motivasi belajar merupakan faktor psikologi yang mendorong murid dalam proses pembelajaran untuk mengubah perilaku menjadi lebih baik dan bertanggungjawab serta terus melanjutkan pembelajaran bagi mencapai keberhasilan yang gemilang.

Aras motivasi belajar bagi setiap murid adalah berbeza-beza kerana dipengaruhi oleh faktor dalaman diri murid sendiri dan faktor luaran diri murid yang tidak sama seperti peranan keluarga dan fungsi masyarakat sekeliling sebagai dorongan atau sokongan dalam mengikuti proses pembelajaran di dalam kelas ([Nur Syazana & Mohd Nasir, 2020](#); [Nor Aroma et al., 2021](#); [Annisa et al., 2018](#)). Begitu juga dalam konteks pembelajaran atas talian semasa pandemik Covid-19, [Muh. Nasrullah et al. \(2022\)](#) mendedahkan penurunan motivasi belajar adalah disebabkan oleh faktor dalaman termasuklah minat, tumpuan, kecerdasan, kokurikulum tambahan, bakat, sikap, manakala faktor luaran terdiri daripada persekitaran keluarga dan persekitaran sekolah. [Semuel \(2022\)](#) pula menyatakan motivasi belajar timbul daripada dalam diri murid yang sebahagian besarnya ditentukan oleh faktor luaran seperti peranan guru yang bagus. Sebaliknya, [Zuraini et al. \(2016\)](#) menjelaskan motivasi belajar murid juga boleh menurun apabila terdapat sikap guru yang kurang membantu, menggunakan pengajaran berorientasikan keperluan peperiksaan sahaja, pengetahuan guru yang cetek, ketidaksesuaian murid untuk menulis karangan.

Dalam dapatan kajian [Salasiah Hanin et al. \(2012\)](#) ke atas pelajar universiti mendapati kekurangan dorongan ahli keluarga, masalah rakan sebaya, masalah persekitaran dan desakan kewangan menghalang pelajar untuk bermotivasi dan terus berusaha mencapai kecemerlangan belajar. [Siti Nazurana et al. \(2019\)](#) pula menjelaskan bahawa tahap motivasi murid belajar kurang memuaskan apabila mereka terikat dengan peraturan dan jadual pembelajaran yang padat sehingga menyulitkan mereka untuk menjalani aktiviti harian. Walau bagaimanapun, dapatan [Nuramirah dan Norzaini \(2021\)](#) menjelaskan terdapat hubungan positif yang kuat antara daya tahan dengan motivasi belajar pelajar di institusi pengajian tinggi (IPT) semasa mengikuti pembelajaran dalam talian ketika pandemik Covid-19.

Dalam kajian yang dijalankan oleh [Dwi Tri Santosa dan Tawardjono Us \(2016\)](#) ke atas murid sekolah menengah menjelaskan bahawa antara faktor yang menyebabkan motivasi belajar murid menjadi rendah adalah faktor ekstrinsik sebanyak 51.88%, iaitu kepelbagaiannya pembelajaran, kaedah pengajaran guru dan keadaan persekitaran murid, manakala faktor intrinsik sebanyak 48.12%, iaitu keadaan murid, tahap keupayaan murid dan matlamat murid untuk belajar. Selanjutnya, dapatan kajian [Nor Aroma et al. \(2021\)](#) menunjukkan tahap motivasi belajar responden kajian berada pada tahap sederhana dan berkemungkinan disebabkan oleh kedudukan sekolah yang terletak di kawasan pedalaman yang menghadapi keterbatasan sumber maklumat, termasuk peralatan pengajaran. Di sekolah-sekolah kawasan dalam bandar pula, terdapat keterbatasan dan cabaran dalam penggunaan peralatan digital, disebabkan oleh masalah akses internet yang lemah dan kekurangan peranti pintar yang sesuai ([Tamilpullai & Salini, 2021](#)). [Reza Fathuddin et al. \(2022\)](#) menyatakan bahawa faktor motivasi belajar murid rendah adalah akibat daripada keadaan fizikal yang kerap sakit dan kurang mendapat perhatian daripada ahli keluarga.

Selain itu, dapatan kajian [Etty Kustinah et al. \(2022\)](#) menjelaskan antara faktor yang menghalang perkembangan motivasi belajar adalah disebabkan oleh kurang aktiviti yang memberangsangkan di dalam kelas, sikap keengganan murid bertanya pada guru, tugas sekolah masih diselesaikan oleh ibu bapa murid, keyakinan diri murid yang rendah, lewat menghantar kerja rumah, kehidupan murid yang penuh imaginasi, sikap jujur murid dan tanggapan murid terhadap guru. [Handayani Sura \(2018\)](#) pula menjelaskan bahawa motivasi belajar murid merosot kerana latar belakang murid yang berbeza dan sikap murid yang malas dengan menunjukkan tingkah laku seperti kurang perhatian terhadap pelajaran, pasif di dalam kelas, malas hadir ke sekolah dan tidak menyiapkan tugas dengan cekap dan tepat pada masanya.

2.2. Kemurungan

Kemurungan adalah sejenis gangguan kesihatan mental yang disebut juga sebagai depresi atau hipertensi. Menurut [Kamus Dewan Edisi Ketiga \(1994\)](#), istilah kemurungan dari sudut psikologi adalah situasi apabila seseorang merasa kecewa, putus asa dan sering disertai dengan gejala seperti gangguan tidur, lambat berfikir serta perasaan bersalah yang berlebihan hingga tidak sepadan dengan kesalahan yang dilakukan. [Asma et al. \(2021\)](#) menyatakan bahawa kemurungan berkait dengan tingkah laku negatif dan salah laku moral yang boleh membahayakan diri dan masyarakat. Selain itu, [Nur Ashidah dan Fariza \(2020\)](#) menjelaskan takrifan kemurungan ialah gangguan yang mempengaruhi pemikiran, emosi, perasaan, dan tingkah laku seseorang sehingga menjadikan kehidupan sehari-hari mereka sukar dan jika tidak mendapatkan rawatan, gangguan ini boleh membawa kesan negatif kepada individu dan masyarakat.

Dapatan kajian [Nur Shyahirah dan Noremy \(2020\)](#) mendedahkan bahawa murid yang mengalami tahap kemurungan yang normal adalah kerana mereka menerima bantuan dan sokongan emosi daripada keluarga, rakan-rakan atau individu yang penting ketika menghadapi masalah, sebaliknya kesulitan dalam menjalinkan hubungan sosial menyebabkan murid merasa tidak dihargai oleh masyarakat sekeliling sehingga mereka mengalami kemurungan. [Muhammad Adli et al. \(2019\)](#) menyatakan bahawa peranan masalah persahabatan seperti pengasingan sosial, persahabatan yang tidak berkualiti serta mempunyai rakan yang bermasalah di sekolah adalah perkara yang perlu dipandang serius.

Faktor kemurungan pula dijelaskan dalam kajian [Sarban Singh et al. \(2023\)](#) yang menunjukkan bahawa perbezaan jantina, kesunyian, pengalaman dibuli, tabiat merokok dan tiada pengawasan ibu bapa adalah punca utama kepada tercetusnya gejala kemurungan dalam kalangan remaja awal. [Che Ahmad et al. \(2020\)](#) pula menjelaskan perubahan corak pembelajaran yang terganggu akibat penularan wabak Covid-19 menyebabkan murid mengalami penurunan semangat, kehilangan motivasi, kesukaran untuk fokus pada pelajaran semasa mengikuti pembelajaran secara atas talian. Kajian [Latiffah et al. \(2016\)](#) pula mendedahkan bahawa status perkahwinan ibu bapa yang telah bercerai serta pengambilan alkohol dalam kalangan murid, terutama di kawasan dalam bandar adalah penyumbang penting kepada gejala kemurungan dalam kalangan murid sekolah menengah. Selain itu, masalah keluarga seperti pergaduhan antara ibu bapa, keadaan ibu bapa yang mengalami tekanan emosi dan masalah kewangan menjadi punca kepada murid untuk turut berasa tertekan sehingga mereka mengalami kemurungan ([Aslina, 2013](#)).

[Cheng \(2012\)](#) pula mendapati bahawa individu yang kurang mendapat sokongan sosial, sikap ketidakfungsian yang tinggi atau memiliki penghargaan kendiri yang rendah cenderung menunjukkan tahap kemurungan yang tinggi. Dapatkan kajian [Rosli et al. \(2021\)](#) pula menyatakan bahawa tahap kemurungan, kebimbangan dan tekanan murid berada di tahap sederhana tetapi masalah ini perlu diberi perhatian sebelum menular dengan teruk dalam kalangan murid. Pengkaji juga menyatakan bahawa sepatutnya, golongan murid tidak perlu memikirkan hal-hal lain yang boleh mengganggu fikiran mereka. Dapatkan [Haizvanie dan Norzaini \(2021\)](#) ke atas pelajar universiti pula menunjukkan kesihatan mental dan motivasi saling berkaitan kerana komunikasi yang lebih luas dan berkesan diperlukan untuk mengatasi masalah kesihatan mental dan meningkatkan motivasi dalam belajar.

Seterusnya, dapatkan kajian [Kunal Kishor Jha et al. \(2017\)](#) tentang murid sekolah di sekolah dalam bandar Bihar, India menyatakan faktor utama berlakunya kemurungan disebabkan oleh perasaan bersalah, berfikiran negatif, kesedihan dan kegagalan masa lalu. Ketidakupayaan untuk memahami pelajaran di sekolah adalah salah satu sebab utama skor kemurungan yang lebih tinggi diikuti oleh masalah kewangan dan mempunyai hubungan yang bermasalah dengan orang sekeliling, manakala faktor lain seperti pergaduhan ibu bapa, hukuman di rumah atau sekolah, buli, kehilangan ibu bapa, dan penyalahgunaan dadah mempunyai kesan kecil ke atas gejala kemurungan yang dihadapi oleh murid.

Kajian [Bhattarai et al. \(2020\)](#) tentang prevalens kemurungan yang tinggi dalam kalangan murid sekolah menengah pula menjelaskan kesejahteraan mental murid mempunyai perkaitan dengan tahap sokongan sosial yang diterima, penghargaan kendiri dan tingkah laku meminta bantuan daripada orang sekeliling. Pengkaji mendapati bahawa tahap kemurungan adalah lebih tinggi dalam kalangan murid yang tinggal bersama keluarga. Murid juga lebih berasa tertekan apabila mereka kurang meminta pertolongan berbanding tahap kemurungan murid yang suka berkongsi masalah dengan ibu bapa mereka dan rakan-rakan. [Grahek et al. \(2019\)](#) menjelaskan bahawa seseorang yang mengalami depresi akan mengambil masa yang lama dan sukar untuk memproses maklumat yang negatif, susah untuk berfikiran relevan dan sulit untuk memberi fokus terhadap sesuatu tugas sehingga mencapai matlamat yang ditetapkan. Perkara ini menjelaskan murid yang mengalami kemurungan sukar mengawal emosi dan sukar bertingkah laku terarah kepada matlamat belajar yang sebenar.

2.3. Pengaruh Motivasi Belajar Terhadap Kemurungan

Perbincangan tentang kajian-kajian lepas berkaitan motivasi belajar dan hubungannya dengan tahap kemurungan murid sekolah menengah tidak banyak dijalankan di dalam dan di luar negara serta kebanyakan kajian dilaksanakan di peringkat pengajian tinggi. Kajian oleh [Piriya Shiwaruangrote et al. \(2022\)](#) di peringkat universiti menjelaskan bahawa pelajar yang kurang bermotivasi lebih cenderung untuk mengalami gejala kemurungan, tetapi kebanyakan pelajar tidak mendapat keputusan akademik yang lemah. Kajian [Yue \(2023\)](#) pula menemukan bahawa kemurungan mempunyai pengaruh negatif terhadap motivasi belajar tanpa mengambil kira lokasi dan kesan luaran yang lain terhadap murid. Menurut [Xu et al. \(2021\)](#) pula, kelesuan adalah gejala kemurungan dan dapatan kajian ini menunjukkan terdapat hubungan kolerasi negatif antara kemurungan dengan motivasi belajar dalam kalangan pelajar kolej jurusan Sukan dari negara Malaysia dan China.

Selain itu, kebanyakan kajian-kajian lepas juga sering membincangkan kemurungan sebagai komponen yang terdapat di dalam masalah kesihatan mental. Dapatan kajian oleh [Nur Karmiela \(2023\)](#) serta kajian [Haizvanie dan Norzaini \(2021\)](#) menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif antara kesihatan mental dan motivasi pelajar peringkat universiti di Malaysia dan mendedahkan bahawa kebanyakan pelajar yang mempunyai motivasi belajar yang tinggi memiliki tahap kesihatan mental yang baik. Kajian oleh [Siti Raba'ah dan Nur Salihah \(2022\)](#) pula mendedahkan bahawa terdapat hubungan negatif yang lemah antara motivasi dan kesihatan mental dalam kalangan pelajar universiti di Malaysia kerana terkesan dengan perubahan corak pembelajaran yang drastik semasa pandemik Covid-19, tetapi mereka masih berupaya membuat keputusan untuk menghadiri kelas atas talian dan mereka masih menerima sokongan sosial daripada keluarga dan rakan sebaya. Kajian oleh [Tuan \(2023\)](#) terhadap pelajar universiti di Vietnam juga membuktikan bahawa masalah kesihatan mental mempunyai kolerasi positif dengan motivasi belajar dan penyelidik menjelaskan bahawa sekolah, pensyarah dan banyak pihak perlu menjaga dan menyokong pelajar untuk menyelesaikan masalah kesihatan mental supaya dapat meningkatkan motivasi belajar mereka.

Kesimpulannya, pelbagai cara dan usaha yang perlu dilakukan bagi mengatasi masalah kekurangan motivasi belajar dan mencegah simptom-simptom kemurungan dalam kalangan murid di sekolah. Sesungguhnya, memiliki motivasi belajar yang tinggi mampu meningkatkan penghargaan kendiri, keyakinan diri dan kecekalan belajar secara berterusan sehingga mencapai kejayaan yang diinginkan. Peningkatan motivasi belajar juga dapat menjadi sebuah sumber tenaga mental atau dalaman yang akan menggerakkan fizikal untuk belajar dan merangsang pemikiran yang lebih positif. Justeru itu, murid juga dapat mengelak dan mengenal pasti gejala kemurungan serta dapat menguruskan tekanan akademik dengan baik. Kajian ini sangat penting bagi banyak pihak yang terlibat dalam pendidikan untuk memahami hubungan ini dan menyediakan persekitaran yang menyokong serta memberikan pertolongan yang sesuai untuk membantu murid meningkatkan motivasi belajar dan mencegah gejala kemurungan.

3. Metod Kajian

3.1. Reka bentuk Kajian

Reka bentuk kajian yang dipilih oleh pengkaji adalah kajian kuantitatif jenis tinjauan yang dijalankan secara deskriptif dan inferensi ke atas murid tingkatan empat dari tiga buah

sekolah dalam daerah Hulu Langat. [Fauzi et al. \(2014\)](#) menjelaskan pendekatan kuantitatif melibatkan pengumpulan data berangka bagi menjawab soalan kajian tertentu untuk mendapatkan satu gambaran tepat terhadap sesuatu situasi yang dikaji. Sementara itu, menurut [Chua \(2021\)](#), kajian tinjauan adalah kaedah mengumpul data secara terus daripada responden dengan kaedah menemu bual atau kaedah memberi soal selidik, boleh dijawab secara lisan mahupun menggunakan kertas cetakan atau menggunakan media elektronik bagi mendapatkan jawapan.

Instrumen yang digunakan untuk memungut data dalam kajian ini adalah melalui borang soal selidik yang diadaptasi dari kajian [Rozaidi \(2022\)](#) bagi motivasi belajar, manakala soal selidik *Patient Health Questionnaire* (PHQ-9) pula telah digunakan bagi mengukur tahap kemurungan. Soal selidik ini diberikan kepada responden melalui bahan edaran yang dicetak dan juga menggunakan platform *Google form* yang diedarkan secara atas talian menerusi aplikasi *Whatsapp*.

3.1. Lokasi Kajian

Dalam kajian ini, daripada 36 buah sekolah menengah dalam bandar di daerah Hulu Langat yang mengikuti pendidikan arus perdana, tiga buah sekolah sahaja telah dipilih secara rawak bagi mendapatkan responden kajian. Sekolah-sekolah ini dipilih sebagai lokasi kajian kerana memenuhi kriteria kajian dari segi pemilihan responden. Selain itu, faktor geografi sekolah yang dipilih ini juga terletak dalam bandar dan berhampiran dengan penyelidik serta memudahkan penyelidik dalam menyelesaikan kajian ini.

3.2. Populasi dan Sampel Kajian

Dalam penyelidikan ini, populasi responden kajian adalah seramai 11 519 orang murid tingkatan empat dari sekolah-sekolah menengah harian dalam bandar di daerah Hulu Langat. Teknik persampelan yang digunakan ialah persampelan rawak mudah dengan mengambil kira nilai populasi dan persampelan berdasarkan [Krejcie dan Morgan \(1970\)](#). Sampel kajian yang ini melibatkan seramai 375 orang responden daripada tiga buah sekolah dalam daerah Hulu Langat. Responden kajian ini terdiri daripada murid lelaki dan murid perempuan yang berbangsa Melayu, Cina, India dan lain-lain. Kriteria pemilihan responden yang berumur 16 tahun. Hal ini kerana mereka telah mempunyai pengalaman belajar di peringkat sekolah menengah dan mengikut teori kognitif Jean Piaget, anak yang berusia antara 13 hingga 17 tahun telah mencapai tahap kognitif operasi formal dan mampu berfikiran logik ([Alon & Adventrianis, 2021](#)). Tambahan lagi, [Azizi dan Roslinda \(2021\)](#) menjelaskan bahawa murid Tingkatan 4 lebih matang berbanding murid lain dan boleh membuat keputusan sendiri dalam menjawab soalan soal selidik yang dikemukakan oleh penyelidik.

3.3. Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian yang merangkumi beberapa item berdasarkan objektif kajian. Kajian kuantitatif ini dijalankan secara deskriptif dan inferensi. Instrumen soal selidik yang digunakan untuk memungut data dalam kajian ini adalah melalui borang soal selidik yang diadaptasi dari kajian [Rozaidi \(2022\)](#) bagi motivasi belajar yang mempunyai perkaitan dengan minat belajar, manakala soal selidik *Patient Health Questionnaire* (PHQ-9) pula telah digunakan bagi mengukur tahap kemurungan. Instrumen PHQ-9 adalah salah satu modul soal selidik untuk menilai keadaan kesihatan mental, khususnya untuk mengenal pasti tanda-tanda

atau simptom kemurungan, dan sembilan soalan ringkas dibina berdasarkan kriteria kemurungan yang dikenal pasti dalam Manual Diagnostik dan Statistik Gangguan Mental, edisi ke-4 (DSM-IV). Instrumen soalan di dalam PHQ-9 ini telah dibangunkan oleh [Kroenke et al. \(2001\)](#) dan telah diguna pakai oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam pelaksanaan Saringan Minda Sihat yang dimasukkan ke dalam surat edaran Panduan Pelaksanaan Program Minda Sihat Bagi Kalendar Akademik Sesi 2023/2024.

Soalan yang dikemukakan dalam borang soal selidik ini adalah ringkas, tepat dan mudah difahami. Struktur soal selidik terdiri daripada 3 bahagian iaitu bahagian A, B dan C. Kandungan bagi semua bahagian dalam soal selidik ini ditunjukkan dalam [Jadual 1](#).

Jadual 1 : Kandungan Soal Selidik

Bahagian	Konstruk yang diukur	Bil. Item	Item
Bahagian A	Faktor Demografi	2 item	1 – 2
Bahagian B	Tahap Motivasi Belajar	31 item	1 – 31
Bahagian C	Tahap Kemurungan	9 item	1 – 9

Penyataan soalan pada bahagian A melibatkan data nominal yang berkaitan latar belakang responden, iaitu jantina dan kaum. Dalam bahagian B borang soal selidik pula, data yang dikumpulkan adalah berkenaan dengan tahap motivasi belajar murid yang mempunyai kaitan dengan minat belajar. Bahagian B ini juga mengandungi 31 item dan skor mengikut skala likert dari 1(sangat tidak setuju) sehingga 5 (sangat setuju) digunakan oleh pengkaji bagi memperoleh dapatan data. Interpretasi instrumen tahap motivasi belajar murid menggunakan julat skor min bagi skala Likert 5 mata yang dirujuk daripada [Nunnally dan Bernstein \(1994\)](#) yang ditunjukkan dalam [Jadual 2](#).

Jadual 2: Pengelasan julat min skor bagi tahap motivasi murid.

Julat Skor	Tahap
4.01 hingga 5.00	Tinggi (T)
3.01 hingga 4.00	Sederhana Tinggi (ST)
2.01 hingga 3.00	Sederhana Rendah (SR)
1.00 hingga 2.00	Rendah (R)

Bahagian C pula digunakan oleh pengkaji bagi mengumpul data berkenaan dengan tahap kemurungan murid. Skala yang digunakan pada bahagian C adalah berdasarkan skala Likert 4 bermula dari 0 (tidak pernah sama sekali), 1 (beberapa hari), 2 (lebih daripada seminggu) dan hingga 3 (hampir setiap hari). Di dalam instrumen PHQ-9, kemurungan utama didiagnosis jika terdapat 5 skor atau hingga 9 skor yang menunjukkan kriteria gejala kemurungan telah hadir sekurang-kurangnya lebih dari setengah hari dalam tempoh dua minggu terakhir, manakala kemurungan yang teruk dikenal pasti apabila skor yang diperoleh responden adalah 10 hingga 27 skor. Interpretasi bagi mengukur kemurungan murid ini telah disediakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagai panduan kepada guru bimbingan dan kaunseling (GBK) dalam melaksanakan tindakan dan intervensi minda sihat di sekolah. Namun begitu, interpretasi instrumen kemurungan ini telah diubahsuai oleh pengkaji, iaitu daripada 4 kelas kemurungan, pengkaji membahagikan kelas kemurungan tersebut kepada 3 tahap, iaitu normal, sederhana dan tinggi. Tahap ini dinilai berdasarkan kekerapan jumlah skor murid dan tindakan yang perlu dilaksanakan oleh GBK. Pengubahsuaiinterpretasi skor ini dilakukan bagi mengelakkan kekeliruan dan memudahkan tafsiran dapatan kajian. [Jadual](#)

[3](#) pula menjelaskan kekerapan bilangan murid yang mengalami gejala kemurungan mengikut tahap normal, sederhana dan teruk.

Jadual 3: Interpretasi kekerapan skor tahap kemurungan murid

Julat skor	Tahap	Interpretasi
0 - 4	Normal	Tiada
5 - 9	Sederhana	Intervensi Umum/sesi kaunseling dan ulang saringan PHQ 9 (2 Minggu)
10 - 27	Teruk	Rujuk Pegawai Perubatan Klinik/ hospital selepas intervensi khusus dan saringan kali kedua

3.4. Analisis Data

Data yang diperoleh dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Borang-borang soal selidik yang lengkap, diproses dengan menggunakan program *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 26.0.

3.4.1. Analisis Deskriptif

Dalam kajian kuantitatif ini, penyelidik menggunakan analisis statistik deskriptif bagi data nominal untuk mengukur dan menganalisis sampel kajian secara khusus terhadap profil responden, tahap kemurungan dan tahap motivasi belajar murid. Data dianalisis ini juga digunakan untuk mendapatkan kekerapan, min dan peratus bertujuan untuk menerangkan pandangan responden dalam menilai tahap perkembangan diri mereka.

3.4.2. Analisis Inferensi

Penyelidik turut menggunakan analisis inferensi menerusi ujian korelasi Spearman untuk menentukan ciri-ciri subjek kajian yang dapat menentukan perkaitan dan hubungan di antara pemboleh ubah tidak bersandar (IV) dengan pemboleh ubah bersandar (DV). Pemboleh ubah tidak bersandar adalah tahap kemurungan murid, manakala pemboleh ubah bersandar adalah tahap motivasi belajar murid. Dalam analisis ini, skala ordinal digunakan untuk mengukur hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah.

4. Hasil Kajian

4.1. Profil Responden

Kajian ini melibatkan 375 orang responden murid, iaitu 223 orang responden sebanyak 59.5% adalah murid perempuan, manakala 157 orang responden sebanyak 40.5% adalah murid lelaki. Data kajian ini juga menunjukkan bahawa responden yang paling banyak adalah responden murid dari kaum Melayu seramai 225 orang (60%), diikuti oleh responden murid kaum Cina seramai 117 orang (31.2%), responden murid kaum India seramai 24 orang (6.4%) dan akhir sekali adalah responden murid dari lain-lain kaum yang terdiri daripada etnik Sabah dan Sarawak seramai 9 orang (2.4%). [Jadual 4](#) menerangkan secara terperinci taburan responden mengikut jantina dan kaum.

Jadual 4: Taburan responden berdasarkan jantina dan kaum

Profil	Kumpulan	Kekerapan (n)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	152	40.5
	Perempuan	223	59.5
Kaum	Melayu	225	60.0
	Cina	117	31.2
	India	24	6.4
	Lain- lain (Etnik Sabah & Sarawak)	9	2.4
Jumlah		375	100.0

4.2. Tahap Motivasi Belajar

Berdasarkan Jadual 5, pengkaji mendapati nilai min tertinggi bagi tahap motivasi belajar adalah ($\text{min} = 4.48$, $\text{SP} = 1.67$) tetapi hanya terdapat 108 orang murid (28.8%) sahaja yang mempunyai tahap tinggi. Tahap motivasi belajar sederhana tinggi mempunyai nilai ($\text{min} = 3.61$, $\text{SP} = 0.26$) sahaja, tetapi terdapat ramai bilangan murid pada tahap ini, iaitu seramai 216 orang (57.6%). Tahap motivasi belajar yang sederhana rendah adalah ($\text{min} = 2.71$, $\text{SP} = 0.23$) bersamaan 43 orang (11.5%), manakala tahap motivasi belajar rendah mempunyai nilai min kurang, iaitu ($\text{min} = 1.60$, $\text{SP} = 0.27$) bersamaan dengan 8 orang murid (2.1%) sahaja. Secara keseluruhan, tahap motivasi belajar responden berada pada tahap sederhana tinggi ($\text{min} = 3.71$, $\text{SP} = 1.11$).

Jadual 5: Tahap Motivasi Belajar

Tahap	Min	Sisihan Piawai	Kekerapan	Peratus (%)
Tinggi	4.48	1.67	108	28.8
Sederhana Tinggi	3.61	0.26	216	57.6
Sederhana Rendah	2.71	0.23	43	11.5
Rendah	1.60	0.27	8	2.1
Keseluruhan	3.71	1.11	375	100.0

4.3. Tahap Kemurungan Murid

Jadual 6 menunjukkan tahap kemurungan yang dialami oleh responden kajian. Pengkaji mendapati nilai min pada tahap kemurungan yang normal adalah ($\text{min} = 2.19$, $\text{SP} = 1.42$) bersamaan 140 orang murid (37.3%), manakala tahap kemurungan sederhana adalah ($\text{min} = 6.87$, $\text{SP} = 1.43$) seramai 116 orang murid (30.9%). Nilai min bagi tahap kemurungan yang teruk pula adalah ($\text{min} = 15.07$, $\text{SP} = 3.82$) seramai 119 orang (31.7%). Nilai keseluruhan min bagi tahap kemurungan responden adalah normal ($\text{min} = 1.94$, $\text{SP} = 0.83$).

Jadual 6 : Tahap Kemurungan Murid

Tahap	Min	Sisihan Piawai	Kekerapan (n)	Peratus (%)
Normal (0-4)	2.19	1.42	140	37.3
Sederhana (5-9)	6.87	1.43	116	30.9
Teruk (10-27)	15.07	3.82	119	31.7
Jumlah	1.94	0.83	375	100.0

4.4. Hubungan antara Tahap Kemurungan dan Tahap Motivasi Belajar Murid

Dalam bahagian terakhir, analisis inferens telah dilakukan untuk membentangkan dapatan kajian mengenai hubungan antara tahap kemurungan dan tahap motivasi belajar murid di sekolah menengah. Bagi menjawab persoalan kajian ini, ujian korelasi *Spearman-rho* (r) telah dilakukan. [Jadual 7](#) menunjukkan hasil analisis korelasi bagi kedua-dua pemboleh ubah kajian.

Jadual 7: Korelasi antara tahap kemurungan dengan tahap motivasi belajar murid

Pemboleh ubah	N	Min	Sisihan Piawai	r	Sig
Motivasi Belajar	375	3.71	1.11	-0.11	0.04
Kemurungan	375	1.94	0.83		

* $p < 0.05$

[Jadual 7](#) menunjukkan ujian korelasi *Spearman-rho* digunakan untuk menentukan hubungan tahap kemurungan dengan tahap motivasi belajar dalam kalangan murid sekolah menengah. Dapatkan ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kemurungan dan tahap motivasi belajar murid di sekolah, iaitu r (374)= -0.11, $p < 0.05$.

5. Perbincangan

Hasil dapatkan analisis deskriptif ke atas tahap motivasi belajar bagi 375 orang murid sekolah menunjukkan bahawa ramai murid mengalami tahap motivasi belajar tahap sederhana tinggi, iaitu seramai 216 orang (57.6%) berbanding dengan murid yang mempunyai tahap motivasi belajar tinggi seramai 108 orang murid (28.8%). Tahap motivasi belajar yang sederhana rendah adalah 43 orang (11.5%), manakala tahap motivasi belajar rendah hanya melibatkan 8 orang murid (2.1%) sahaja. Dapatkan kajian ini menjelaskan bahawa majoriti responden memiliki tahap motivasi belajar pada tahap sederhana tinggi, namun jumlah murid yang bermotivasi tinggi dalam belajar juga agak ramai. Mengikut [Mohammad Fadzia et al. \(2021\)](#), murid akan lebih termotivasi dan aktif dalam pembelajaran apabila terdapat sokongan dari persekitaran mereka di sekolah. Dapatkan ini juga selari dengan dapatkan kajian [Semuel \(2022\)](#) yang menyatakan bahawa sebahagian besar motivasi belajar timbul daripada dalam diri murid adalah disebabkan oleh guru yang memainkan peranan yang baik dalam sesi pembelajaran. Hal ini menunjukkan bahawa ketika belajar, tahap keperluan penghargaan diri murid telah dipenuhi mencapai yang baik menyebabkan ramai antara mereka gembira, bersemangat dan semakin gigih berusaha mencapai keputusan akademik yang cemerlang. Namun begitu, dapatkan kajian lepas oleh [Sri Lutfiawati \(2020\)](#) menjelaskan murid yang memiliki tahap motivasi yang sederhana rendah dan rendah bukan kerana tiada usaha daripada pihak guru, tetapi kerana kegiatan belajar murid tidak disokong oleh kerjasama daripada ibu bapa seperti tidak memberi perhatian, tidak meluangkan masa dan tidak memberi dorongan belajar semasa murid berada di rumah. Motivasi belajar tidak akan terbentuk secara berterusan apabila usaha murid untuk belajar tidak dihargai oleh orang sekeliling dengan kehidupannya.

Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa ramai dalam kalangan responden mempunyai tahap kemurungan yang normal, iaitu seramai 140 orang (37.3%). Hal ini kerana kebanyakan murid yang minat belajar mempunyai banyak pengetahuan dan pengalaman tentang cara menguruskan gangguan emosi dengan baik. Dapatkan ini selaras dengan

kajian [Nur Karmiela \(2023\)](#) yang menyatakan bahawa pelajar yang memiliki motivasi yang tinggi cenderung untuk menghadapi cabaran pembelajaran dengan lebih baik dan menggunakan strategi pengurusan kesihatan mental yang efektif untuk menjaga keseimbangan dan kesejahteraan mereka. Sementara itu, seramai 116 orang murid (30.9%) mengalami kemurungan pada tahap sederhana perlu berjumpa dengan guru bimbingan dan kaunseling (GBK) bagi menjalani sesi intervensi umum, sesi kaunseling dan mengulangi saringan kemurungan selepas dua minggu.

Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini juga menunjukkan bilangan murid yang mengalami tahap kemurungan yang teruk juga agak ramai bersamaan dengan 119 orang (31.7%) dan GBK sekolah perlu bertindak dan merujuk murid-murid ini kepada pegawai perubatan di klinik atau hospital selepas menjalankan intervensi khusus dan menjalani saringan kemurungan kali kedua. Hal ini kerana murid yang cemerlang dalam lapangan akademik juga tidak terlepas daripada menerima tekanan akademik daripada ibu bapa dan orang sekeliling. [Adila Sharinni \(2024\)](#) melaporkan bahawa salah seorang calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2023 yang telah mengalami gangguan kemurungan sejak tingkatan tiga telah membuktikan bahawa murid tersebut berjaya mendapat keputusan cemerlang kerana mendapat sokongan daripada pihak sekolah dan ahli keluarga. Konklusinya, setiap murid mudah terdedah dan berisiko mengalami gejala kemurungan ketika berhadapan dengan cabaran belajar, namun semangat, sokongan sosial dan tekad belajar yang tinggi, mampu membantu murid mengawal emosi dan kognitif mereka dengan baik.

Dapatan kajian ini mendapati bahawa terdapat hubungan yang negatif antara tahap kemurungan dengan tahap motivasi belajar murid dengan nilai kolerasi ($r=-0.11, p<0.05$), maka hipotesis nul kajian ini telah ditolak. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan songsang antara kedua-dua pemboleh ubah yang dikaji. Dapatan ini telah menyokong dapatan kajian lepas oleh [Xu et al. \(2021\)](#) yang membuktikan bahawa terdapat hubungan kolerasi negatif antara kemurungan dengan motivasi belajar dalam kalangan pelajar kolej jurusan Sukan dari negara Malaysia dan China. Dalam erti kata lain, semakin kukuh motivasi belajar, semakin lemah tahap kemurungan yang dialami oleh murid, sebaliknya jika semakin lemah motivasi belajar maka tahap kemurungan murid semakin meningkat. Dapatan ini juga turut disokong oleh perkaitan antara teori keperluan dan teori Psikoanalisis yang menunjukkan apabila murid gagal memenuhi sesuatu peringkat keperluan hidup seperti yang diharapkan, maka fokus untuk mencapai tingkat keperluan seterusnya serta emosi murid akan mudah terjejas dengan pemikiran yang tidak rasional dan negatif. [Mayuri \(2021\)](#) menyatakan apabila murid tidak termotivasi dengan baik, maka mereka akan belajar sangat sedikit dan berasa sukar kerana dia tidak melihat keperluan untuk belajar. Sesungguhnya, motivasi merangsang usaha dan tenaga yang diperlukan oleh seorang murid untuk melaksanakan tugas belajar dengan cemerlang. Tahap motivasi belajar pula menentukan sama ada seorang murid dapat bertahan dan cekal untuk terus belajar dengan penuh semangat walaupun berhadapan dengan pelbagai kesukaran ataupun murid menunjukkan sikapnya yang tidak bermaya dan putus asa dalam pembelajaran.

6. Kesimpulan

Kesimpulannya, dengan memahami sebab-sebab dan hubungan di antara kemurungan dan motivasi belajar, kajian ini diharap dapat membantu dalam penyediaan strategi yang lebih baik untuk membantu murid sekolah menengah berhadapan dengan cabaran pendidikan masa kini. Tahap motivasi belajar perlu ada pada setiap murid untuk

membantu mereka mengimbangi diri mereka antara pencapaian dalam hidup dan pengurusan kesejahteraan diri dengan baik. Hal ini juga turut memberi gambaran kepada kita bahawa murid pada zaman ini, murid mempunyai tahap kesihatan mental yang baik apabila mereka tahu matlamat belajar dan usaha belajar mereka dihargai.

Implikasi kajian ini ni sedikit sebanyak memberikan maklumat kepada banyak pihak bahawa mempunyai motivasi belajar yang konsisten secara tidak langsung membantu murid menguruskan kesihatan mental dan mengurangkan kesan kemurungan dalam kehidupan. Hasil dapatan kajian, secara keseluruhannya diharap dapat membuka mata pihak kerajaan untuk memberi sumbangan dan bantuan dalam menyediakan infrastruktur serta kemudahan yang mencukupi pada sekolah-sekolah harian bagi membolehkan murid menjalani sesi pembelajaran dengan selesa, tertarik dan memberi fokus dengan baik. Sektor Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pula diharap dapat melaksanakan pelbagai program psikopendidikan dengan lebih menyeluruh dari peringkat jabatan, daerah dan sekolah pada peringkat awal persekolahan. Selain itu, guru bimbingan dan kaunseling juga diharap dapat melaksanakan pelbagai program pemulihan mental, khidmat nasihat, dan sokongan kesihatan mental yang berterusan dan berkualiti bagi membantu meningkatkan motivasi murid dalam pembelajaran.

Di samping itu juga, melalui kajian ini juga diharapkan agar pihak sekolah bukan hanya menekankan aspek peningkatan akademik semata-mata, namun sewajarnya memberi tumpuan kepada membina kemahiran daya tahan agar prestasi sekolah mempunyai keputusan yang lebih baik dalam jangka pendek dan jangka panjang, termasuklah mewujudkan program-program jalinan bersama pihak ibu bapa dan institusi luar bagi berkongsi dan berbincang cara membantu murid yang hilang semangat belajar agar terus berjuang untuk kecemerlangan masa depan anak-anak murid tanpa memberi tekanan yang tinggi. Pada masa genting ini, pemimpin sekolah perlu mencari perspektif yang lebih holistik untuk memotivasi murid yang bergelut dalam menyokong kesihatan mental dan kesejahteraan mereka. [Muhammad Faiz et al. \(2022\)](#) mengesyorkan agar guru meningkatkan latihan persediaan mengajar dengan menguasai kandungan kurikulum, memperoleh kemahiran pedagogi yang mendalam, memahami dan menggunakan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dengan mahir, memperoleh pemahaman dalam psikologi pembelajaran, serta mengembangkan kemahiran kaunseling. Kajian oleh [Mageret Lo dan Ruhizan \(2022\)](#) serta kajian [Mohammad Fadzia et al. \(2021\)](#) pula menyimpulkan bahawa peranan ibu bapa sangat penting untuk dimainkan sebagai pendorong semangat kepada anak-anak dalam membantu mereka menjadi individu yang berdedikasi dan yakin dalam proses pembelajaran

Namun begitu, [Rozaidi \(2022\)](#) menjelaskan guru, keluarga dan persekitaran sekeliling mampu memberikan motivasi, tetapi keinginan untuk belajar juga perlu datang dari dalam diri murid tersebut. Oleh itu, murid diajar dan dididik supaya perlu memahami kecenderungan diri, matlamat belajar yang jelas, mengetahui kekuatan dan kelemahan diri sendiri dalam menentukan kesesuaian cara belajar serta meneruskan semangat dalam menuntut ilmu walau apa jua rintangan dan halangan dalam kehidupan yang mengganggu kesejahteraan psikologi mereka. Kesedaran inilah yang akan menjadi pendorong kepada murid untuk meningkatkan prestasi mereka dalam pelajaran dan mencapai matlamat kejayaan pada masa hadapan.

Seterusnya, pengkaji mencadangkan agar kajian seterusnya boleh dilaksanakan di peringkat sekolah menengah bagi semua jenis sekolah dalam bandar dan luar bandar bagi mendapat dapatan kajian yang lebih menyeluruh. Dari segi pemilihan sampel, kajian ini

hanya melibatkan murid tingkatan empat dari sekolah menengah kebangsaan di bandar sahaja, maka bagi kajian lanjutan, pengkaji boleh memperluaskan lagi pemilihan sampel berskala besar dengan melibatkan murid setiap tingkatan, iaitu dari tingkatan 1 hingga tingkatan 6 di kawasan bandar dan luar bandar. Dapatkan kajian ini sangat menarik dan sangat relevan dengan masalah kritikal yang dialami oleh kebanyakan murid masa kini. Oleh itu, kita dapat melihat tahap kemurungan dan tahap motivasi belajar pada masa kini dengan secara holistik dan lebih bermanfaat kepada semua pihak yang berkepentingan.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik telah mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi dan menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (RECUKM). Kebenaran dan persetujuan mengikut kajian ini turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Jutaan terima kasih kepada barisan pensyarah bidang Psikologi Pendidikan UKM yang telah banyak membantu dalam proses penerbitan artikel jurnal ini. Terima kasih juga diucapkan kepada pasangan, ahli keluarga, rakan-rakan, pihak yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dalam kajian ini serta responden yang membantu menjayakan artikel ini.

Kewangan (*Funding*)

Penulis menggunakan sumber kewangan sendiri sepanjang menjalankan kajian dan penerbitan ini tanpa sebarang tajaan daripada mana-mana pihak.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Tidak terdapat sebarang unsur konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangan atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Abdul Rashid Abdul Aziz, Mohd Faizal Kasmani, & Nor Hamizah Ab Razak. (2021). Implikasi Ketagihan Media Sosial Terhadap Kesihatan Mental Remaja Semasa Pandemik Covid-19. *e-Bangi*, 18(8). <https://ejournals.ukm.my/ebangi/article/download/51790/12383>
- Adila Sharinni Wahid. (2024, Mei 27). [VIDEO] Remaja murung raih 9A SPM. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/666936/edisi/kelantan/remaja-murung-raih-9a-spm>
- Alon Mandimpu Nainggolan, & Adventrianis Daeli. (2021). Analisis Teori Perkembangan Kognitif Jean Piaget dan Implikasinya bagi Pembelajaran. *Journal of Psychology Humanlight*, 2(1), 31-47. <https://doi.org/10.51667/jph.v2i1.554>
- Amna Emda. (2017). Kedudukan Motivasi Belajar Siswa Dalam Pembelajaran. *Lantanida Journal*, 5(2), 93-196.

- Annisa Afiananda Rizqi, Yusmansyah, & Shinta Mayasari. (2018). Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Motivasi Belajar. *Jurnal Bimbingan Konseling*, 6(2).
- Asma Mat, Wan Marzuki Wan Jaafar, & Nurazidawati Mohamad Arsad. (2021). Keberkesanan Modul Terapi Rasional Emotif Tingkah Laku (REBT) Kepada Kemurungan Remaja Delinkuen Di Sekolah Tunas Bakti. *International Journal Of Education, Psychology And Counselling (IJEPC)*, 6(44), 206-221. <https://doi.org/10.35631/IJEPC.644016>
- Aslina Ahmad. (2013). *Kesan intervensi Psiko-Pendidikan Terhadap Tingkah Laku Murid Sekolah Menengah Oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling* [PhD Thesis, Universiti Malaya]. <http://studentsrepo.um.edu.my/5535/>
- Azizi Subeli, & Roslinda Rosli. (2021). Sikap dan Kesediaan Pelajar Tingkatan Empat Terhadap Perlaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pembelajaran Matematik. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(3), 54 – 68. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i3.710>
- Bhattarai, D., Shrestha, N., & Paudel, S. (2020). Prevalence And Factors Associated With Depression Among Higher Secondary School Adolescents Of Pokhara Metropolitan, Nepal: A Cross Sectional Study. *BMJ Open*, 10, Article e044042. <https://doi.org/10.1136/bmjopen-2020-044042>
- Che Ahmad Azlan, Wong, J. H. D., Li, K. T., Muhammad Shahrun Nizam A.D. Huri, Ngie, M. U., Vinod, P., Phoay, C. L. T., Chai, H. Y., & Ng, K. H. (2020). Teaching And Learning Of Postgraduate Medical Physics Using Internet-Based E-Learning During The COVID-19 Pandemic-A Case Study From Malaysia. *Physica Medica*, 80, 10-16. <https://doi.org/10.1016/j.ejmp.2020.10.002>
- Cheng, S. K. (2012). *Peranan Sikap Ketidakfungsian dan Penghargaan Kendiri di Dalam Hubungan Antara Sokongan Sosial Dan Tahap Kemurungan Dalam Kalangan Remaja Akhir*. [Doctoral dissertation, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Chua, Y. P. (2021). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan : Buku 1 Edisi Keempat*. McGraw-Hill Education. Kuala Lumpur
- Dimyati & Mudjiono. (2006). *Belajar & Pembelajaran*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Dwi Tri Santosa, & Tawardjono Us. (2016). Faktor-Faktor Penyebab Rendahnya Motivasi Belajar Dan Solusi Penanganan Pada Siswa Kelas XI Jurusan Teknik Sepeda Motor. *14 Jurnal Pendidikan Teknik Otomotif Edisi XIII*, 13(2). <https://journal.student.uny.ac.id/index.php/otomotifs1/article/viewFile/2896/2504>
- Elvira Utami, Rahmadhani Fitri, & Muhyiatul Fadilah. (2022). Hubungan Motivasi Dan Minat Belajar Dengan Hasil Belajar (Literatur review). *Symbiotic*, 3(2), 65-70. <https://doi.org/10.32939/symbiotic.v3i2.64>
- Etty Kustinah, Kambali Kambali, & Marwah Lama'atushabakh. (2022). Humanistic Counseling And Student Learning Motivation. *International Journal of Educational Qualitative Quantitative Research*, 1(2), 31-39. <https://doi.org/10.58418/ijeqqr.v1i2.19>
- Fauzi Hussin, Jamal Ali & Mohd Saifoul Zamzuri Noor. (2014). *Kaedah Penyelidikan & Analisis Data SPSS*. UUM Press.
- Haizvanie Muhammed Ganasan, & Norzaini Azman. (2021). Kesihatan Mental dan Motivasi Pelajar Semasa Pembelajaran Dalam Talian Sepanjang Pandemik Covid-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(10), 25-40. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i10.1100>.
- Handayani Sura. (2018). Motivasi Belajar Rendah Dan Upaya Penanganannya Dengan Modeling Langsung (Studi Kasus Di SMPN I Bonggakaradeng). *Prosiding Seminar Nasional Pendidikan "Pencegahan dan Penanganan Kekerasan Anak: Optimalisasi Peran Pendidik dalam Perspektif Hukum"*. 1(1), 110-119). <https://journal.stkip-andi-matappa.ac.id/index.php/SemNas/article/view/160>

- Grahek, I., Shenhav, A., Musslick, S., Krebs, R. M., & Koster, E. H.W. (2019). Motivation and Cognitive Control in Depression. *Neurosci Biobehav*, 102, 371-381. <http://doi.org/10.1016/j.neubiorev.2019.04.011>
- Kamus Dewan Edisi Ketiga. (1994). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krejcie, R.V., & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample saiz for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610. https://home.kku.ac.th/sompeng/guest Speaker/KrejcieandMorgan_article.pdf
- Kroenke, K., Spitzer, R.L., & Williams, J.B.W. (2001). The PHQ-9: Validity Of A Brief Depression Severity Measure. *Journal of General Internal Medicine*, 16, 606-613. <https://doi.org/10.1046/j.1525-1497.2001.016009606.x>
- Kunal Kishor Jha, Satyajeet Kumar Singh, Santosh Kumar Nirala, Chandramani Kumar, Pragya Kumar, & Neeraj Aggrawal. (2017). Prevalence of Depression among School-going Adolescents in an Urban Area of Bihar, India. *Indian Journal of Psychological Medicine*, 39(3), 287-292. <http://doi.org/10.4103/0253-7176.207326>
- Latiffah Abdul Latiff, Esra Tajik, Normala Ibrahim, Azrin Shah Abubakar & Shirin Shameema Albar Ali. (2016). Depression And Its Associated Factors Among Secondary School Students In Malaysia. *PubMed*, 47(1), 131-141. <https://pubmed.ncbi.nlm.nih.gov/27086434>
- Mageret Lo, & Ruhizan M. Yasin. (2022). Penglibatan Ibu Bapa dan Komuniti serta Hubungannya dengan Motivasi Murid SJKC Sepanjang PdPR. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(4), e001426. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i4.1426>
- Mayuri Borah. (2021). Motivation In Learning. *Journal Of Critical Reviews*, 8(2).
- Mohammad Fadzia Termize, Ruhizan Mohd, & Ahmad Zamri. (2021). Tahap Sokongan Ibu Bapa dalam Membantu Pembelajaran Murid B40 Di Sekolah Luar Bandar. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 707-717. <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd>
- Muhammad Adli Mohd Ranizal, Wan Qatrunnisa Wan Zabidi, Saidatul Aziera, Mohd Shariff, Jackleyn Stanis & Shahira Amiera Shamsul Amir. (2019). Depression Among University Students. *e-Journal of Media & Society*, 2. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/29297/1/29297.pdf>
- Muh. Nasrullah, Nur Wahdaniar, Sirajuddin Saleh, & Nurjannah. (2022). Factors Causing Lack Of Students' Learning Motivation In The Online Learning Process During The COVID-19 Pandemic Class X at SMK Negeri 4 Sinjai. *Pinisi Journal of Education and Management*, 1(1), 13-20. <https://doi.org/10.26858/pjoem.v1i1.32660>
- Muhammad Faiz Rosli, Abd Razaq Ahmad, & M. Khalid M. Nasir. (2022). Hubungan Antara Kompetensi Guru dengan Motivasi Murid Untuk Belajar dalam Norma Baharu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(3), e001373. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1373>
- Nor Aroma Abu Bakar, Puvaneswary Batmanathan, & Zetty Nurzuliana Rashed. (2021). Tahap Motivasi Belajar Dalam Kalangan Murid Di Dua Buah Sekolah Di Daerah Hilir Perak. *Proceeding of the 8th International Conference on Management and Muamalah 2021 (ICoMM 2021)*, 2, 56-63. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/ESSS/article/download/6486/3416/28755>
- Nunnally, J. C. & Bernstein I. H. (1994). *The Assessment Of Reliability : Pychhometric Theory (3rd ed.)*. New York: McGraw-Hill.
- Nuramirah Nabila Zakaria, & Norzaini Azman. (2021). Daya Tahan dan Motivasi Pembelajaran Dalam Talian Semasa Pandemik Covid-19 Pelajar Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(10), 41-53. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i10.1092>

- Nur Syazana Abd Shukor, & Mohd Nasir Masroom. (2020). Gaya Pembelajaran Dan Motivasi Dalam Kalangan Calon Spm Di Sebuah Sekolah Menengah Agama Di Negeri Johor. *Jurnal Kemanusiaan*, 18(2), 77-90. <https://jurnalkemanusiaan.utm.my/index.php/kemanusiaan/article/view/394>
- Nur Ashidah Yahya, & Fariza Md Sham. (2020). Sejarah dan Simptom Kemurungan: Kajian Literatur. *Sains Insani*, 5(1), 34-42.
- Nur Karmiela Najwa Azilan. (2023). Hubungan Kesihatan Mental Dengan Motivasi Dalam Kalangan Palapes Universiti Utara Malaysia. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 26, 113-138. <https://doi.org/10.32890/jps2023.26.6>
- Nur Shyahirah Mahpis, & Noremy Md Akhir. (2020). Hubungan Sokongan Sosial Terhadap Kemurungan Dalam Kalangan Pelajar. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(2), 1-10. <http://journalarticle.ukm.my/16614/>
- Nurul Ain Hamsari, & Azizi Yahaya. (2012). Peranan Motivasi Pembelajaran, Gaya Keibubapaan dan Sikap Dengan Pencapaian Akademik. *Journal of Educational Psychology & Counseling*, 5, 30-57. <http://eprints.utm.my/id/eprint/23001/>
- Piriya Shiwaruangrote, Akekanat Chunhagsikarn, & Nathorn Jinnawaso. (2022). The Effect of Depression on Motivation to Study. *International Journal of Current Science Research and Review*, 5(6). <https://doi.org/10.47191/ijcsrr/V5-i6-48>
- Rahimah Abdullah. (2020, Oktober 30). Kajian UNICEF, UNFPA: 1 daripada 5 murid hilang minat ke sekolah selepas PKP. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kajian-unicef-unfpa-1-daripada-5-murid-hilang-minat-ke-sekolah-selepas-pkp-265961>
- Rike Andrianik, & Rasto. (2019). Motivasi Belajar Sebagai Determinan Hasil Belajar Siswa. *Jurnal Pendidikan Manajemen Perkantoran*, 4(1), 80-86. <https://doi.org/10.17509/jpm.v4i1.14958>
- Reza Fathuddin Yusuf, Sumarwiyah, & Erni Haryanti. (2022). Analisis Faktor Penyebab Rendahnya Motivasi Belajar Siswa dalam Pembelajaran Online. *JIIP (Jurnal Ilmiah Ilmu Pendidikan)*, 5(2), 472-477. <https://doi.org/10.54371/jiip.v5i2.433>
- Rosli Hamid, Muhammad Faizal A. Ghani, Syed Kamaruzaan Syed Ali, Megat Ahmad Kamaludin Megat Daud, & Rahma Dewi. (2021). Kemurungan, Kebimbangan Dan Tekanan Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Empat Di Daerah Kota Setar. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 7(4), 30-34. <https://adum.um.edu.my/index.php/JUPIDI/article/view/28300>
- Rozaidi Omar. (2022). Hubungan Motivasi Belajar Dengan Minat Belajar Pelajar Bermasalah Disiplin Di Sebuah Sekolah Menengah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(3), 288-302. <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.3.25>
- Ryan Hidayat Rafiola, Punaji Setyosari, Carolina Ligya Radjah, & M. Ramli. (2020). The Effect Of Learning Motivation, Self-Efficacy, And Blended Learning On Students' Achievement In The Industrial Revolution 4.0. *International Journal of Emerging Technologies in Learning/International Journal: Emerging Technologies in Learning*, 15(08), 71. <https://doi.org/10.3991/ijet.v15i08.12525>
- Salasiah Hanin Hamjah, Ermy Azziaty Rozali, Rosmawati Mohamad Rasit, & Zainab Ismail. (2012). Kaedah Meningkatkan Motivasi Belajar dalam Kalangan Pelajar Fakulti Pengajian Islam. *Prosiding Seminar Pemantauan Projek Penyelidikan Tindakan/Strategik (PTS) Fakulti Pengajian Islam 2012*. <http://www.ukm.my/fpipts/online%20proceedings.html>
- Sarbhan Singh, Chee H.L., Nuur Hafizah Md Iderus, Sumarni Mohd Ghazali, Chen L.R.Q Ahmad, Lim M.C., Mohamad Nadzmi Nadzri, Asrul Anuar Zulkifli, Jeyanthi Suppiah, Rafdzah Ahmad Zaki, Nik Daliana Nik Farid, S. Rama Krishna, Awatef Amer Nordin, Chong Z.L., Kushilpal Kaur & Nur'ain Mohd Ghazali. (2023). Prevalence and Determinants of Depressive Symptoms among Young Adolescents in Malaysia: A

- Cross-Sectional Study. *Children*, 10(1), 141.
<https://doi.org/10.3390/children10010141>
- Sekar Anggayuh Laras, & Achmad Rifai. (2019). Pengaruh Minat Dan Motivasi Belajar Terhadap Hasil Belajar Peserta Didik Di BBPLK Semarang. *Jurnal Eksistensi Pendidikan Luar Sekolah (E-Plus)*, 4(2), 121–130. <https://doi.org/10.30870/e-plus.v4i2.7307>
- Semuel H. Nitbani. (2022). Motivasi Belajar Dalam Pembelajaran Konstruktivistik (Sebuah Kajian Teoretik Berdasarkan Teori Ekspektansi VRoom). *Jurnal Lazuardi*, 5(2), 1–12. <https://doi.org/10.53441/jl.vol5.iss2.73>
- Shaamala. R, & Mohd Izwan Mahmud. (2022). Hubungan Antara Motivasi Dan Penglibatan Terhadap Proses Pembelajaran Atas Talian Semasa Pandemik Covid 19 Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 226-241. <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.1.17>
- Sheau, T.C, Juliana Rosmidah Jaafar, Samsudin A. Rahim,Nurhana Zainal, Subhi, N., & Nor Ba'yah Abdur Kadir. (2012). Motivasi Diri Dan Dorongan Ibu Bapa Terhadap Minat Akademik Belia. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(1), 026-033.
- Siti Nazurana Konaen, Fadzilah Abd Rahman, & Samsilah Roslan. (2019). Meneroka Sikap dan Motivasi Murid Rendah Pencapaian Bahasa Melayu: Satu Kajian Kes di FELDA. *International Journal of Education and Training (InjET)*, 5(1), 1-9. <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/22870/>
- Siti Raba'ah Hamzah, & Nur Salihah Min Athaha. (2022). Hubungan Faktor Psikososial dan Tahap Kesihatan Mental Pelajar Universiti Semasa Pandemik Covid-19. *International Journal of Education and Training (InjET)*, 8(2), 1-9. <https://myjurnal.mohe.gov.my/public/article-view.php?id=194925>
- Sri Lutfiawati. (2020). Motivasi Belajar Dan Prestasi Akademik. Al-Idarah: *Jurnal Kependidikan Islam*, 10(1). <http://ejournal.radenintan.ac.id/index.php/idaroh>
- Sunarti Rahman. (2021). *Pentingnya Motivasi Belajar Dalam Meningkatkan Hasil Belajar*. Pascasarjana Universitas Negeri Gorontalo Prosiding Seminar Nasional Pendidikan Dasar “Merdeka Belajar dalam Menyambut Era Masyarakat 5.0”. Universitas Negeri Gorontalo. <https://ejurnal.pps.ung.ac.id/index.php/PSNPD/article/view/1076>
- Tamilpullai Thannimalai, & Salini Baloh. (2021). Cabaran Pdpr Bahasa Tamil Di Sekolah Luar Bandar. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 5(2), 183–190 <https://doi.org/10.33306/mjssh/132>
- Tuan, P.V. (2023). The Relationship Between Mental Health And Learning Motivation Of Psychology Students At Van Lang University, Vietnam. *International Journal Of Education, Psychology And Counselling*, 8(49), 141-149. <https://doi.org/10.35631/IJEPC.849010>
- Uno, H. B. (2006). *Teori Motivasi & Pengukurannya: Analisis Di Bidang Pendidikan*. Jakarta: PT Bumi Aksara.
- Xu, R., Wang, Q., Chin, N. S., & Teo, E. W. (2021). Analysis of Learning Motivation and Burnout of Malaysian and Chinese College Students Majoring in Sports in an Educational Psychology Perspective. *Frontiers in Psychology*, 12, Article 691324. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2021.691324>
- Yanuari Dwi Puspitarini, & Muhammad Hanif. (2019). Using Learning Media to Increase Learning Motivation in Elementary School. *Anatolian Journal of Education*, 4(2), 53-60. <https://doi.org/10.29333/aje.2019.426a>
- Yue, Z. (2023). The Influence of Depression on Learning Motivation among Chinese High School Students. *Journal of Education, Humanities and Social Sciences*, 22, 134-139. <https://doi.org/10.54097/ehss.v22i.12409>
- Zuraini Jusoh, Fadzilah Abd Rahman, Norazlina Mohd Kiram, & Samsilah Roslan. (2016). Motivasi Belajar Dan Keterlibatan Dalam Pembelajaran Kemahiran Mengarang

Bahasa Melayu. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 11(1), 213-226.
<https://ejournal.ukm.my/ebangi/article/view/14452>